

12/01/2003

PM gesa bank sedia unit khas urus pinjaman kecil

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa 10 bank utama di negara ini menubuhkan unit khas di bank masing-masing bagi menguruskan pinjaman khusus kepada peminjam kecil.

Dengan nada bergurau tapi serius, Perdana Menteri berkata, kerajaan mungkin mempertimbangkan untuk mewujudkan semula bank yang digabungkan sebelum ini jika 10 bank teras itu masih gagal mewujudkan unit berkenaan.

"Saya bukan mengugut, tetapi menasihati sebab sebagai Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri, perkara ini perlu diberi perhatian oleh bank,"

katanya ketika merasmikan bangunan AmFinance di sini, malam tadi.

AmFinance adalah syarikat kewangan terbesar di negara ini dan sehingga September lalu jumlah asetnya sebanyak RM31.6 bilion. Ketika ini, AmFinance mempunyai rangkaian 204 cawangan dan 191 mesin auto teller di seluruh negara.

Hadir sama Pengerusi Kumpulan AmBank Tan Sri Azman Hashim dan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Dalam majlis itu, Azman turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM1 juta untuk projek komuniti di Malaysia dan RM1.2 juta untuk Tabung Projek Pengurusan Teknologi Komanwel di London.

Dr Mahathir berkata, selepas kerajaan mengurangkan jumlah bank menjadi 10, kerajaan menerima banyak aduan daripada peminjam kecil, bahawa pihak bank sukar memberi mereka pinjaman kerana bank berkenaan lebih mengutamakan pinjaman berjumlah besar.

"Saya berharap aduan ini tidak benar, mereka (pihak bank) perlu beri kemudahan kepada peminjam kecil," katanya

Beliau mengingatkan pihak bank, sekiranya peminjam yang meminjam dalam jumlah besar itu gagal membayar balik pinjaman, bank berkenaan mungkin mengalami kerugian sehingga boleh menyebabkan bank itu bankrap.

"Berbanding peminjam kecil, jika mereka gagal membayar balik pinjaman, bank tidak akan mengalami kerugian besar," katanya.

Sambil berseloroh, Dr Mahathir berharap akan ada bank yang menubuhkan unit khas itu, Isnin ini.

"Esok Ahad, bank pun cuti, jadi Isnin saya harap sudah ada unit ini," katanya.

Beliau berkata, kumpulan AmBank yang menerajui semua bidang boleh menjadi bank pertama yang menubuhkan unit khas ini.